

Ibu bapa disaran pilih pusat tahfiz berdaftar



Adnan merasmikan Sambutan Hari Malaysia Tahun 2017 Peringkat Negeri Pahang di UMP, Gambang di sini, semalam.

KUANTAN - Ibu bapa disaran memilih pusat tahfiz berdaftar kerana ciri keselamatan dan aspek pembelajaran lebih terjamin.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, perkara tersebut perlu dititikberatkan dalam memastikan keselamatan dan pembelajaran sempurna anak-anak mereka.

"Kita kalau boleh nak anak jadi hafiz dan hafizah, tapi kita kena ambil kira faktor keselamatan.

"Jadi ibu bapa perlu memastikan pusat tahfiz yang mereka pilih untuk anak-anak mereka berdaftar," kata-

nya mengulas mengenai kebakaran yang berlaku di Maahad Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di ibu negara, dua hari lalu.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas majlis Sambutan Hari Malaysia Tahun 2017 Peringkat Negeri Pahang di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang, di sini, semalam.

Adnan turut memaklumkan, setakat ini Maahad Tahfiz Negeri Pahang yang dikendalikan kerajaan negeri tidak ada sebarang masalah serta dipenuhi ciri keselamatan.

SINAR HARIAN (PAHANG) 17/9/17 (AHAD) NIS-53